

Ambil inisiatif sendiri sewa jentolak

KUALA KRAI - Penduduk Kampung Pemberian, di sini, terpaksa mengambil inisiatif sendiri untuk menyewa jentolak bagi membersihkan sampah-sarap dan sisa pokok yang terkumpul di tepi jambatan kampung itu.

Sampah-sarap dan sisa pokok itu dihanyutkan arus sungai yang agak deras ketika

hujan melanda sejak beberapa hari lalu dan terperangkap di kawasan berkenaan berikutan keadaan jambatan agak rendah.

Rata-rata penduduk yang ditemui berkata, sampah akan terperangkap di jambatan tersebut setiap kali hujan, namun keadaan kali ini agak berbeza kerana jumlah sampah ter-

perangkap lebih banyak daripada kebiasaan.

Keadaan itu menyebabkan penduduk risau timbunan sampah dan sisa pokok akan menyebabkan kerosakan pada jambatan dan kerana itu, mereka telah bergotong-royong membersihkan sampah berkenaan sejak beberapa hari lalu.



Sampah dan sisa pokok tersangkut terlalu banyak pada jambatan membimbangkan penduduk yang mengambil inisiatif untuk menyewa jentolak dan bergotong-royong membersihkan kawasan tersebut.